



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“AL-QUDS MENAGIH KEPEDULIAN UMMAH”**

**Tarikh Dibaca :**

**28 REJAB 1442H/  
12 MAC 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## “AL-QUDS MENAGIH KEPEDULIAN UMMAH”

28 REJAB 1442H / 12 MAC 2021

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهِدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلَلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ  
الْمَسِيْدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسِيْدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ لِنُرِيْهُ مِنْ مَا يَنْهَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْبَصِيرُ   
الإسراء: ١

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sempena dengan Minggu al-Quds Sedunia yang julung-julung kalinya disambut oleh umat Islam di serata dunia, khutbah pada minggu ini akan membicarakan tajuk “Al-Quds Menagih Kepedulian Ummah”. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-

19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Mudah-mudahan kita semua dipelihara dan dijauhkan oleh Allah SWT dari wabak ini.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Ayat yang telah dibacakan pada awal khutbah tadi selalu kedengaran di telinga umat Islam pada bulan ini. Hal ini kerana pada bulan Rejab inilah telah berlakunya satu peristiwa luar biasa yang sangat penting kepada Rasulullah SAW dan umat Islam seluruhnya. Pada bulan ini telah berlaku peristiwa Isra' dan Mikraj, yang menyerlahkan kekuasaan Allah SWT mencarikkan adat dengan mukjizat. Ia juga menonjolkan kemuliaan Rasulullah SAW mengetuai para rasul dan anbiya' dalam solat, serta bertemu dengan Allah SWT menerima kefardhuan lima waktu solat.

Sungguhpun peristiwa Isra' dan Mikraj ini tidak lekang daripada ingatan umat Islam dulu dan kini, namun kesedaran mereka tentang beberapa isyarat penting yang terdapat dalam peristiwa tersebut masih boleh dipertingkatkan. Antara isyarat penting yang ditunjukkan oleh Isra' dan Mikraj adalah kemuliaan Masjid al-Aqsa, juga Kota al-Quds atau Baitul al-Maqdis, tempat beradanya masjid tersebut. Apakan tidaknya, stesen untuk naik ke langit bagi Rasulullah SAW melaksanakan perjalanan Mikraj bertemu Allah SWT terletak di kota tersebut. Bahkan Masjid al-Aqsa merupakan kiblat umat Islam yang pertama, dan kota al-Quds merupakan tanah haram ketiga selepas kota Mekah dan Madinah.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Kota al-Quds bukan sebarang kota. Ia menjadi rebutan sekalian umat penganut agama langit. Ia pernah dikuasai oleh kerajaan Rom Byzantine, sebelum dibebaskan oleh Saidina Umar Bin al-Khattab RA pada 13 Ramadhan 15H. Ia juga pernah jatuh ke tangan tentera Salib pada tahun 492H sebelum dibebaskan semula oleh Solahuddin al-Ayyubi pada 27 Rejab 583H. Kemudian ia jatuh pula ke tangan Zionis dan tertubuhlah negara haram Israel pada tahun 1948. Namun sehingga ke hari ini, masih belum ada sesiapa lagi yang berjaya membebaskannya.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Semenjak dari penubuhan negara haram Israel tersebut, saudara-saudara seislam kita di bumi Palestin terpaksa hidup sengsara sehingga ke hari ini. Tanah mereka dirampas, rumah mereka dirobohkan, anak-anak mereka ditahan tanpa perbicaraan, bahkan ramai dalam kalangan mereka dibunuh dengan pelbagai cara tanpa belas kasihan. Siri-siri peperangan antara negara haram tersebut dengan saudara-saudara kita di Gaza pada tahun 2008, 2012 dan 2014 menunjukkan kerakusan umat Yahudi ini dalam penghapusan etnik umat Islam di sana.

Adakah kita yang mengaku sebahagian daripada umat yang agung ini, tiada sedikit pun rasa simpati apabila melihat keadaan ini berlaku? Marilah sama-sama kita merenung sabda Nabi Muhammad SAW, yang telah diriwayatkan oleh Anas Bin Malik RA:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدٌ كُمْ، حَتَّىٰ يُحِبَ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُ لِنَفْسِهِ

**Maksudnya:** “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sepetimana dia mengasihi dirinya sendiri” (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim**)

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Sebenarnya negara haram Yahudi yang terbina di atas bumi Palestin merupakan barah yang berada di tengah-tengah tanah umat Islam. Ia telah banyak membawa kerosakan kepada Palestin dan kesengsaraan kepada penduduknya, terutamanya di Kota al-Quds. Permusuhan mereka terhadap umat Islam amatlah keras dan melampaui batas-batas kemanusiaan. Benarlah firman Allah SWT:

لَتَجِدَنَ أَشَدَ النَّاسِ عَدَوَةً لِلَّذِينَ آمَنُوا أَلْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا \*

**Maksudnya:** “Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhaninya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik....” (**Surah al-Maidah ayat 82**)

Sel sel barah ini terus tersebar di bumi Palestin. Daripada hanya menguasai kurang daripada 10% tanah Palestin pada tahun 1946, mereka telah menguasai 55% pada tahun 1947 akibat Pelan Pembahagian PBB. Pada tahun 1949 selepas setahun negara haram ini ditubuhkan, ia telah menelan 78% daripada bumi Palestin. Pada tahun 1967 pula, mereka telah menakluk seluruh tanah Palestin, sehingga termeterainya Perjanjian Damai Oslo pada tahun 1993 yang memberikan kuasa autonomi terhad kepada rakyat Palestin terhadap Tebing Barat dan Gaza sedikit demi sedikit.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Dekad yang terakhir ini menyaksikan pelbagai bencana menimpa umat Islam di sana sini. Antara yang paling teruk ialah perperangan yang berlaku di Syria dan Yaman. Perkara ini sebenarnya diambil kesempatan oleh negara haram Israel untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha mereka merampas tanah-tanah rakyat Palestin dengan membina penempatan-penempatan haram yang baharu di Tebing Barat. Begitu jugalah mereka memperhebatkan kerja-kerja meyahudikan Kota al-Quds sehingga membahayakan kesan-kesan sejarah Islam yang berada di situ. Hal ini kerana perhatian umat Islam telah mula tercapah dengan isu-isu umat Islam di negara-negara yang berlaku kekacauan tersebut.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Dengan perkembangan yang berlaku mutakhir ini, Masjid al-Aqsa sebenarnya berada dalam keadaan yang semakin bahaya. Masjid yang pernah ditutup selama 90 tahun ketika penaklukan tentera Salib ini, sentiasa menjadi sasaran negara haram Israel untuk dimusnahkan. Ia pernah dibakar pada tahun 1969 sehingga memusnahkan Minbar Solahuddin al-Ayyubi. Namun dengan kadar kesedaran dan kepedulian umat Islam yang tinggi pada waktu itu, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah ditubuhkan.

Keadaan ini berbeza dengan apa yang berlaku sekarang. Negara haram Israel telah melakukan pelbagai usaha untuk memusnahkan Masjid al-Aqsa dan kesan-kesan sejarah Islam lain di Kota al-Quds untuk membina Haikal Sulaiman di atas runtuhannya binaan-binaan bersejarah umat Islam tersebut. Mereka telah menggali terowong di

bawah binaan Masjid al-Aqsa sehingga mengancam kekuatan struktur masjid tersebut. Mereka telah menceroboh masuk ke dalam Masjid al-Aqsa dan melakukan upacara keagamaan di dalamnya. Mereka telah membuat peraturan sesuka hati melarang penduduk al-Quds daripada menunaikan solat di Masjid al-Aqsa. Namun umat Islam yang berjumlah hampir dua billion ini seakan-akan telah terkena suntikan ubat bius sehingga tidak berasa sakit dengan pencabulan demi pencabulan yang dilakukan oleh negara haram Israel terhadap tempat suci mereka.

Oleh yang demikian, kepedulian umat Islam, bahkan masyarakat dunia juga, terhadap isu al-Quds dan Palestin yang tidak berkesudahan ini, perlu dipugar kembali, agar sentiasa segar dalam fikiran mereka, tanpa melupakan nasib saudara-saudara kita di negara-negara yang bergolak.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertitik tolak dari sinilah, Minggu al-Quds Sedunia yang merupakan inisiatif gabungan pertubuhan-pertubuhan ulama dari pelbagai negara Islam, diperkenalkan untuk mencapai matlamat menghidup dan menyuburkan kembali kesedaran dan kepedulian umat Islam terhadap kepentingan memperjuangkan isu al-Quds dan Palestin, sebagai isu umat yang utama. Bahkan lebih daripada itu, isu ini merupakan isu kemanusiaan sejagat yang perlu mendapat keadilan dunia, melibatkan kuasa zalim yang menindas manusia yang tidak bersalah, serta merampas tanah dan harta benda mereka.

Kita sebagai rakyat Malaysia sangat bersyukur dan bernasib baik kerana pendirian kerajaan Malaysia berkaitan isu Palestin ini adalah tetap dari dahulu sehingga ke hari ini. Begitu jugalah, rakyat Malaysia terutamanya umat Islam dapat bersatu dalam isu ini tanpa mengira fahaman politik dan aliran pemikiran.

Kita berharap dalam isu al-Quds dan Palestin ini, umat Islam di Malaysia secara khususnya mampu untuk membudayakan sabda Nabi Muhammad SAW yang telah diriwayatkan oleh al-Nu'man Bin Basir:

مَثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثْلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحَمْىِ

**Maksudnya:** “Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam saling mencintai, berkasih sayang dan belas kasihan, seperti sebatang jasad. Apabila salah satu anggotanya mengadu sakit, maka seluruh badan turut tidak boleh tidur dan berasa demam”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْتَاهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَأْمَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأَعْلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَإِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانِ اَكْوَغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللهِ.

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اَكْوَغْ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَراءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْرِّ اِلْسَلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَاعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرَّحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau lah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظِمُ لَعْنَكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ٩٠  
فَذَكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. ﴾